

D120

U 8773 AAB

CHOGM - MAHATHIR RRR

(EMBARGO: UNTUK SIARAN SELEPAS PUKUL 11.30 PAGI, 18 OKT)

(I)

KUALA LUMPUR, 18 OKT (BERNAMA) -- KOMANWEL PERLU MENCARI BEBERAPA PENYELESAIAN KEPADA MASALAH DUNIA BERHUBUNG ISU POLITIK, EKONOMI, ALAM SEKITAR DAN PENGGUNAAN DADAH, SEKIRANYA IA MAHU TERUS MENJADI PERTUBUHAN YANG MEMBERI FAEDAH KEPADA SEMUA, KATA PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

BELIAU BERKATA PERKEMBANGAN DALAM HUBUNGAN ANTARA KUASA-KUASA BESAR MENJANJIKAN BUAT KALI PERTAMA SEJAK PERANG DUNIA, SATU PELUANG YANG LUAS DAN BELUM PERNAH BERLAKU BAGI KERJASAMA POLITIK DAN EKONOMI.

+BAGAIMANAPUN, YANG MENDUKACITAKAN IALAH ISU-ISU EKONOMI PADA DEKAD BO-AN MASIH BELUM DIATASI KETIKA KITA SEDANG MEMASUKI DEKAD 90-AN. DAN, TURUT MENDUKACITAKAN IALAH AMALAM APARTEID MASIH BELUM DIHAPUSKAN, + KATA PERDANA MENTERI.

KETIKA MEMBUKA MESYUARAT KETUA-KETUA KERAJAAN KOMANWEL (CHOGM), DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA: +ALIRAN DAN KEADAAN INI MEMBERI CABARAN DAN PELUANG YANG MEMERLUKAN DAYA USAHA BARU DARIKITA SEMUA.+

+KOMANWEL, SEKIRANYA IA MAHU TERUS MENJADI PERTUBUHAN YANG MEMBERI FAEDAH KEPADA SEMUA, PERLU MENYELESAIKAN SEBAHAGIAN DARIPADA MASALAH ITU. SAYA BERHARAP PERSIDANGAN DI KUALA LUMPUR DAPAT MEMBERI KITA PELUANG UNTUK MENCARI JAWAPAN KEPADA MASALAH ITU+.--LAGI.

1104MST 18 10 89

D126

U B774 AAB

CHOGM - MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

MENGENAI HUBUNGAN BAIK SANGKA ANTARA KUASA-KUASA BESAR, DATUK SERI DR MAHATHIR MELAHIRKAN KEBIMBANGAN SAMBIL BERKATA: +KITA TIDAK BOLEH MENGANDAikan BAHAWA DENGAN MENGATASI PERBEZAAN ANTARA MEREKA, KEPENTINGAN KITA, TERUTAMA BAGI NEGARA-NEGARA MEMBANGUN, TIDAK AKAN DXKORBANKAN.

+KITA PERLU DAPAT MENJANGKAKAN DAN MENANGKIS APA YANG AKAN BERLAKU. KEDAMAIAN MEMERLUKAN PENGORBANAN DAN PENGORBANAN ITU HARUS DIKONGSI BERSAMA+.

MENGENAI AFRIKA SELATAN, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA: +KITA BERSETUJU BAHAWA APARTEID PERLU DIHAPUSKAN.

+SEKATAN EKONOMI SEMEMANGNYA BERKESAN TETAPI KITA TIDAK BOLEH TERPEDAYA BAHAWA PERUBAHAN-PERUBAHAN KECIL YANG BERLAKU ITU IALAH DISEBABKAN PERUBAHAN PERASAAN BELAS KASIHAN.

+KEBIMBANGAN MENGENAI KESAN SEKATAN EKONOMI TERHADAP ORANG KULIT HITAM ADALAH TIDAK TEPAT. SEHUBUNGAN DENGAN ITU, SEKATAN EKONOMI BUKAN SAHAJA PERLU DITERUSKAN TETAPI DIPERHEBATKAN. PELABURAN DAN PENGALIRAN KEWANGAN KEPADA AFRIKA SELATAN MESTI DIHENTIKAN SEPENUHNYA,+ KATANYA. -- LAGI.

1117MST 18 10 89

D128

U 8775 AAB
CHOGM - MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA RANCANGAN KEMERDEKAAN **BAGI** NAMIBIA ADALAH BERPUNCA SEBAHAGIANNYA DARIPADA SEKATAN-SEKATAN ITU. BELIAU MEMINTA SUPAYA PENGAWASAN DILAKUKAN SUPAYA PERKEMBANGAN TERBARU DI AFRIKA SELATAN TIDAK MENGABURI ISU UTAMA MENGENAI APARTEID.

+KITA TIDAK BOLEH MEMBENARKAN REJIM PRETORIA MEMPERDAYAKAN **KITA,+** KATANYA.

+USAHA MEWUJUDKAN SEBUAH KERAJAAN YANG **DEMOKRATIK,** TIDAK BERCORAK PERKAUMAN DAN BERSATU **PADUDI** AFRIKA SELATAN PERLU MENJADI OBJEKTIF UTAMA KOMANWEL.

+KITA TIDAK BOLEH MEMIKIRKAN **SEMATA-MATA** UNTUK MEMBALAS **DENDAM.** ORANG BERKULIT **PUTIH,HITAM** DAN LAIN-LAIN PERLU **HIDUP** BERSAMA DALAM KEADAAN HARMONI+.

MENGENAI ASIA **BARAT,** DATUK SERI DR MAHATHIR BERHARAP PERJANJIAN GENCATAN SENJATA YANG SEDANG DIADAKAN AKAN MEMBAWA **KEPADA** MENAMATKAN^N PERTUMPAHAN DARAH.

BELIAU BERKATA HAK RAKYAT **PALESTIN** UNTUK **HIDUPDI** NEGARA SENDIRI AKAN TERUS MENJADI **IMPIAN.-- LAGI.**

1123MST 18 10 89

U 8776 AAB
CHOGM - MAHATHIR 4 KUALA LUMPUR

+KEGANASAN NEGARA SEPERTI YANG DIAMALKAN OLEH ISRAEL ADALAH **SAMA** BURUKNYA DENGAN **APA-APA** JENIS KEGANASAN SEKALIPUN DAN MESTI DIXHENTIKAN.

+KEAMANAN DAN KESELAMATAN TIDAK DAPAT WUJUD **TANPAKEADILAN,+** KATA DATUK SERI DR MAHATHIR.

BERALIH KEPADA **SOAL** AFGHANISTAN⁹ BELIAU KESAL KERANA BERIBU-RIBU ORANG RAKYATNYA MASIH TERUS TINGGAL **DI** KHEMAH-KHEMAH PELARIAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR **JUGA** MENGGESA SUPAYA USAHA YANG LEBIH SERIUS DILAKUKAN UNTUK MENYELESAIKAN MASALAH **KEMBOJA** SEBELUM IA BERTAMBAH BURUK MENJADI SATU **LAGI** PERANG SAUDARA.

MENGENAI KEADAAN EKONOMI **DUNIA,PERDANA** MENTERI BERKATA NAMPAKNYA NEGARA-NEGARA **KAYASUDAH** BERPAKAT **DI** KALANGAN **MEREKA** TERHADAP NEGARA **MISKIN,** DENGAN MENGANGGAP **DIRI** MEREKA BERHAK MENGARAHKAN PERDAGANGAN **DUNIA** DAN MENGATUR KEADAAN **MATA WANG DUNIA** **BAGI** FAEDAH MEREKA.

+SUBSIDI, KUOTA, SEKATAN **TARIF** DAN BUKAN **TARIF** OLEH NEGARA KAYA TELAH MENJADIKAN KEADAAN KOS DAN BEKALAN **DI** SELURUH **DUNIA** **KUCAR-KACAR.**

+KINIALAM SEKITAR DAN HAK ASASI MANUSIA PULA DIGUNAKAN UNTUK MENGHALANG KEMAJUAN EKONOMI **DI** NEGARA-NEGARA **MEMBANGUN.+ -- LAGI.**

1125MST 18 10 89

UB777 A A B
CHOGM - MAHATHIR 5 KUALA LUMPUR

MENGENAI **KEMISKINAN**, TERUTAMA **DI AFRIKA**, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KOMANWEL TIDAK BOLEH BERTINDAK DENGAN MEMBERI BANTUAN **SEMATA-MATA**. HUBUNG KAIT ANTARA KEMISKINAN DENGAN HUTANG DAN PERDAGANGAN -- MALAH **ALAM** SEKITAR **JUGA** -- HENDAKLAH **DI AKUI** WUJUDNYA DAN DISELESAIKAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA **BEBAN** HUTANG NEGARA **MISKIN** MENJADI SEMAKIN **BERAT**. SEBAHAGIAN YANG TIDAK MUNASABAH BESARNYA DARIPADA KELUARAN NEGARA KASAR MEREKA DIBELANJAKAN UNTUK MEMBAYAR **HUTANG**, MENGAKIBATKAN ARAH PENGALIRAN KEWANAGAN YANG TERBALIK ANTARA NEGARA **KAYA** DENGAN YANG **MISKIN**, DAN **BAGI** NEGARA YANG PALING **MISKIN**, KEADAAN **SUDAH** TIDAK ADA HARAPAN **LAGI**.

PERDANA MENTERI BERKATA MASALAH HUTANG NEGARA-NEGARA AFRIKA TERUS BERTAMBAH BURUK DAN SEBAHAGIAN BESARNYA TIDAK DIBERI PERHATIAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA: +APA YANG DIPERLUKAN IALAH SATU **DAYA** USAHA KEWANGAN YANG BERANI. RANCANGAN SEUMPAMA **ITU** HENDAKLAH MENGAKUI BAHAWA HUTANG YANG **SEDIA WUJUD, SAMA** ADA HUTANG AWAM ATAU SWASTA, TIDAK SEIMBANG DENGAN **NILAI PENUHNYA**, DAN BAHAWA KEBANYAKAN NEGARA AFRIKA YANG MENANGGUNG HUTANG **ITU** TIDAK DAPAT TERUS-TERUSAN MEMBAYAR HUTANG MEREKA **SEPENUHNYA**.+ -- **LAGI**.

1128MST 18 10 89

U 8778 AAB
CHOGM - MAHATHIR 6 KUALA LUMPUR

+PERBUATAN MENJADIKAN SESEBUAH NEGARA SEBAGAI ABDI HUTANG ADALAH LEBIH BURUK **LAGI** DARIPADA **AMALAN** PENGABDIAN YANG TIDAK BERPERIKEMANUSIAAN **PADA** MASA LAHPAU. MEREKA **YANG MAMPU, MESTILAH** MEMBAYAR HUTANG **ITU** TETAPI PERTIMBANGAN HENDAKLAH DILBERLKAN KEPADA YANG BENAR-BENAR TIDAK **MAMPU**.+

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA SATU **LAGI** SUDUT MASALAH **ITU** IALAH USAHA YANG SEHAKIN MENINGKAT OLEH KUMPULAN TUJUH (NEGARA PALING **MAJU**) UNTUK CAMPUR **TANGAN** DENGAN MEMBUAT KEPUTUSAN DALAM PENGURUSAN **SISTEM** KEWANGAN DAN PERDAGANGAN SELURUH DUNIA.

+**KEPUTUSAN** MEREKA UNTUK MENYUSUN SEMULA **MATA** WANG TIDAK SAHAJA TELAH MENAMBAH **BERAT** BEBANAN NEGARA-NEGARA SEDANG MEMBANGUN UNTUK MEMBAYAR HUTANG **MEREKA**, TETAPI **JUGA MENJEJASKAN** PENGALIRAN SUMBER MEREKA DAN PROSPEK **PERTUMBUHANNYA**.+

BELIAU BERKATA MASALAH HUTANG DAN KEMISKINAN TIDAK DAPAT DIATASI KETIKA MASIH WUJUD KEADAAN TIDAK SAKSAMA DALAM PERTUMBUHAN EKONOMI ANTARA NEGARA MAJU DENGAN YANG SEDANG MEMBANGUN.

NEGARA SEDANG MEMBANGUN MEMERLUKAN PELUANG LEBIH LUAS UNTUK **MEMASUKI PASARAN** DAN LEBIH **BANYAK** PELABURAN **ASING** UNTUK PERTUMBUHAN EKONOMI DAN MENAHBAH KEUPAYAANNYA UNTUK MEMBAYAR **HUTANG**, KATA **PERDANA** MENTERI. -- **LAGI**.

1130MST 18 10 89

D139

u B779 AAB
CHOGM - MAHATHIR 7 KUALA LUMPUR

BELIAU BERKATA UNTUK MEMASTIKAN PERDAGANGAN DUNIA **BERKEMBANG**, PRINSIP TERBUKA DAN ADIL **BAGI** PERDAGANGAN PELBAGAI **HALA** DAN **SISTEM PEMBAYARAN** HENDAKLAH DIPERTAHANKAN.

+SEMENTARAKITA CUBA MENGURANGKAN SEKATAN **TARIF** DAN MENYUBURKAN PERTUMBUHAN PERDAGANGAN **DUNIA, KITAKINI** DIANCAM PULA OLEH PENINGKATAN SEKATAN BUKAN **TARIF, +** KATA DATUK SERI DR MAHATHIR.

SELAIN **ITU**, TUMPUAN SUDAH BERALIH DARIPADA PERDAGANGAN BEBAS KEPADA PERDAGANGAN ADIL. NEGARA-NEGARA PERINDUSTRIAN **MEMBUAT** TUNTUTAN YANG SEMAKIN KUAT UNTUK PELAKAAN PRINSIP TIMBAL-BALIK WALAUPUN KETIKA MEREKA MENAFIKAN KONSESI **TARIF** DAN LAYANAN KEUTAMAAN KEPADA NEGARA-NEGARA SEDANG MEMBANGUN.

MENGENAI **ALAMSEKITAR**, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KEADAANNYA YANG SEMAKIN MEROSOT TIDAK BOLEH DIBIARKAN DAN PENYELESAIAN YANG SEGERA HENDAKLAH DICARI. -- **LAGI**.

1148MST 18 10 89

D143

U 8782 AAB
CHOGM - MAHATHIR 8 KUALA LUMPUR

+SUNGGUH MALANG, +KATANYA, +BANYAK NEGARA-NEGARA **KAYA** NAMPAKNYA LEBIH CENDERUNG MELETAKKAN KESALAHAN **TENTANG** MASALAH-MASALAH **ALAM** SEKITAR ANTARABANGSA KEPADA NEGARA-NEGARA YANG SEDANG MEMBANGUN. +

+MALAH DENGAN APACARA SEKALIPUN, NEGARA MAJULAH YANG **BANYAK** MEMUSNAHKAN **ALAM** SEKITAR **KITA**. **UJIAN NUKLEAR, PENGGUNAAN** BERLEBIHAN TENAGA **FOSIL, PENGANGKUTAN SWASTA, PEMBUANGAN** KLOOROFORKARBON (**CFC**) DI **UDARA, PEMBAZIRAN** KERTAS YANG **BERLELUASA, PEMBUANGAN** KIMIA **TOKSIK, SEMUA INI** DAN YANG LAIN **LAGI, MERUPAKAN** KESAN-KESAN **LANGSUNG** DARIPADA **CARAHIDUP** ORANG NEGARA **KAYA. +**

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KEADAAN KEMISKINAN **JUGA** MENYUMBANG KEPADA MASALAH **ALAMSEKITAR**, TETAPI KEADAAN ITU WUJUD KERANA MEREKA **YANG MISKIN SENDIRI TIDAK MAMPU MENJAGA DIRI** SENDIRI. JIKA MEREKA DINAFIKAN PULA SUMBER-SUMBER KECIL YANG MEREKA **MILIKI, MEREKA** AKAN MENJADI LEBIH MISKIN **DAN INI AKAN MEMBURUKKANLAGI** KEADAAN.

+TETAPI SEBALIKNYA, MEREKA YANG KAYA BUKAN SAHAJA MAMPU UNTUK MENGURANGKAN TABIAT YANG MENYEBABKAN MASALAH ITU BERLAKU TETAPI **BOLEHJUGA** MELAKSANAKAN PROGRAM PERHUTANAN DARITANAH PERTANIAN YANG DAHULUNYA MEREKA TEROKAI DARIHUTAN BELANTARA. **DENGAN TEKNOLOJI** DAN KEKAYAAN YANG ADA PADAMEREKA, MEREKA SEBENARNYA BOLEH MENJADIKAN BERJUTA-JUTA EKAR TANAH GERSANG DI PADANG PASIR, SEBAGAI KAWASAN SUBUR, **+ KATANYA. -- LAGI.**

1156MST 18 10 89

D145

U B783 A A B
CHOGM - MAHATHIR 9 KUALA LUMPUR

MALANGNYA, PARA AKTIVIS ALAM SEKITAR HANYA MENUDUH NEGARA-NEGARA MISKIN DAN CUBA PULA MEMAKSA MEREKA SUPAYA JANGAN TERLALU GHAIRAH KEPADA PEMBANGUNAN KONONNYA **DEMI MEMELIHARA ALAM** SEKITAR **+YANG** SUDAH PUN DICEMARI OLEH NEGARA **MAJU.+**

DATUK SERI DR MAHATHIR **BERKATA** KOMANWEL BOLEH MEMBANTU MEMECAHKAN KEBUNTUAN **INI** DENGAN FIKIRAN YANG **WARAS BAGI** MEREDAKAN PERTELAGAHAN **INI.**

+KITA SEMUA MESTI MENANGGUNG **BEBAN** BERSAMA UNTUK MEMELIHARA **ALAM** SEKITAR **HIDUP SUBUR**, TETAPI PERKONGSIAN ITU MESTILAH ADIL DAN SELARAS DENGAN KEUPAYAAN **MASING-MASING**. YANG **MISKIN** TIDAK SEHARUSNYA DIPAKSA UNTUK MENANGGUNG **BEBAN+DOSA** YANG DILAKUKAN OLEH NEGARA **KAYA** PADA MASA **KINI** DAN YANG **LEPAS.+**

PERDANAMENTERI BERKATA SATU **LAGI** MASALAH YANG MELAMPAUI BATASAN SEHPADAN ANTARABANGSA DAN **MEMERLUKAN** KOMITMEN ANTARABANGSA PULA IALAH MASALAH **DADAH.**

BELIAU MENEGASKAN BAHAWA MALAYSIA TIDAK **AKAN** BERASA BERSALAH KERANA MELAKSANAKAN **HUKUMAN** PALING KERAS TERHADAP PENGEDAR **DADAH** SEBAGAI USAHA MEMBASMI GEJALA ITU. **--LAGI.**
1200MST 1810 89

0147

U B784 A A B
CHOGM - MAHATHIR 10 KUALA LUMPUR

+HARI INI KITA LIHAT **BAGAIMANA** SERIUS MASALAH ITU, **+ TEGASNYA.**
+SEMUA KERAJAAN SEDANG DIANCAM DAN DISOGOK DENGAN RASUAH OLEH **PARA** PENGEDAR **DADAH.** **BANYAK** KERAJAAN AKAN KECUNDANG SEKIRANYA **MASING-MASING** BERDIRI SENDIRI DALAM MENENTANG GEJALA ITU, **+ KATANYA.**

+HANYA SATU USAHA YANG BERSEPADU DAN MENYELURUH OLEH MASYARAKAT ANTARABANGSA MEMPUNYAI HARAPAN UNTUK MEMBANTERAS DAN MENGHAPUSKAN GEJALA ITU.

+PENGORBANAN YANG DIPERLUKAN **MUNGKIN** TINGGI TETAPI HARGA YANG TER-PAKSA **KITA** BAYAR **SEKIRANYA** GEJALA **DADAH** TERUS **MENULAR** JAUH LEBIH **TINGGI,+** KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA: **+PEMULANGAN** PENJENAYAH KE NEGARA **ASAL,** PERAMPASAN **HARTA** YANG DIPEROLEHI DARIPADA KESALAHAN **DADAH** DAN HUKUMAN YANG TEGAS **BAGI** PENGEDAR **DADAH** PERLU BERCORAK UNIVERSAL+. **-- LAGI.**

1203MST 18 10 89

D148

U B785 A A B
CHOGM - MAHATHIR 11 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR **JUGA** BERTERIMA KASIH KEPADA Ratu ELIZABETH **II,** YANG **JUGA** KETUA KOMANWEL, KERANA KESUDIAN BAGINDA MELAWAT NEGARA **INI.**

BELIAU BERKATA KERAJAAN DAN RAKYAT MALAYSIA MERASA BERTUAH KERANA BAGINDA MENERIMA JEMPUTAN MALAYSIA UNTUK MELAKUKAN LAWATAN RASMI ITU.

BELIAU BERKATA KEBERANGKATAN HADIR Ratu ELIZABETH DI MALAYSIA KETIKA **INI** MENJADIKAN **CHOGM** LEBIH BERMAKNA. **-- BERNAMA.**
1205MST 18 10 09